

Pencapaian IIM kukuh prinsip kepemimpinan melalui teladan

Slogan Kepemimpinan Melalui Teladan yang cuba ditonjolkan Institut Integriti Malaysia (IIM), bukan sekadar cakap kosong.

Ungkapan ini terbukti apabila IIM mendapat dua penganugerahan pensijilan, iaitu MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) dan MS ISO 9001: 2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) diterima serentak pada 10 Januari lalu.

La diterima daripada badan pensijilan utama negara dan global, iaitu SIRIM QAS International Sdn Bhd serta The International Certification Network IQNet, badan peneraju utama di negara ini dan antarabangsa.

Skop pensijilan mencakupi Sistem Pengurusan Antirasuah & Sistem Pengurusan Kualiti merangkumi latihan dan konsultasi berkaitan integriti, governans dan antirasuah.

Bukan itu sahaja, seiring dua pensijilan ini, IIM juga menyempurnakan pembangunan dan pengubalan Pelan Antirasuah IIM pada Disember lalu.

Tiga pencapaian sangat signifikan ini jelas menggambarkan IIM sentiasa optimis memberikan contoh terbaik kepada agensi kerajaan mahupun swasta.

Pencapaian ini sudah pasti akan memperkukuhkan tahap kredibiliti dan reputasi IIM sebagai badan operasi bertanggungjawab membangunkan kapasiti dan kompetensi untuk sektor awam dan swasta dalam aspek governans, integriti dan antirasuah.

Pensijilan ini juga mencerminkan IIM ialah teladan kepada penyedia perkhidmatan konsultasi dan latihan yang benar-benar mempraktikkan serta mengaplikasikan standard sistem pengurusan dalaman seperti disyorkan kepada pelanggan.

Pencapaian ini ialah permulaan, bukan tiket untuk IIM berasa selesa dan mendabik dada kerana apa lebih penting ialah pelaksanaan polisi dan prosedur operasi standard (SOP) berterusan.

Ia bertujuan melahirkan organisasi utuh dari segi pengurusan tadbir urus dalamannya dalam usaha menutup ruang dan peluang penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan jenayah rasuah.

Tidak dinafikan masih ada segelintir menyuarakan rasa skeptikal mengenai tahap keberkesanan pelaksanaan ABMS. Namun, ia sedikit pun tidak menggugat keyakinan IIM mengenai sistem ini, malah sudah dilaksanakan.

Jangan dipersoalkan keberkesanan-nya jikalau sistem ini masih belum dilaksanakan di agensi masing-masing, bak kata pepatah 'belum cuba belum tahu'.

Persediaan pelaksanaan bagi pensijilan ABMS mempunyai lima fasa ketat harus dilalui. Pertama, analisis keperluan yang mengenal pasti struktur perniagaan dan jurang analisa.

Kedua, interpretasi, iaitu fasa memperkenalkan dan melihat keseluruhan ABMS serta perancangan polisi organisasi.

Ketiga, reka bentuk sistem, iaitu fasa melaksanakan penilaian risiko dan pembangunan dokumentasi ABMS.

Keempat, pelaksanaan sistem atau fasa semakan dan pemurnian dokumentasi ABMS, manakala kelima ialah verifikasi sistem, iaitu latihan audit dalam dan pelaksanaan audit lapangan serta kajian semua pengurusan.

Pensijilan ini diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan menuntut komitmen serta kesungguhan semua pihak. Ia tidak boleh diperolehi sehari dua atau dibeli dengan wang.

Bagi IIM sendiri, gerak kerja pensijilan ini mengambil lebih kurang enam bulan, bermula Julai tahun lalu membabitkan kerjasama seluruh warga IIM.

Tidak dinafikan proses pensijilan ini bukan proses semudah ABC, sebaliknya pelbagai cabaran dan kekangan perlu diharungi, tetapi keberhasilan disasarkan amat berbaloi serta signifikan.

Pun begitu, tempoh dicadangkan bukan tetap, masih ada ruang untuk fleksibiliti pelaksanaan mengikut kesesuaian.

Ada juga mengatakan kos pelaksanaan bagi mendapatkan pensijilan ABMS tinggi, namun hakikatnya tidak semahal disangka kalau dibandingkan nilai diperolehi.

Dengan pelaksanaan sistem ABMS

ini, risiko berlakunya rasuah dapat dikurangkan atau terus ditutup, sekali gus dapat membendung ketirisan dan memberi kesan positif kepada sistem tadbir urus serta kewangan syarikat.

Bagi syarikat perniagaan pula, pensijilan ini akan memberikan nilai tambah dan meningkatkan keyakinan pelanggan serta pelabur sedia ada, sekali gus menarik minat pelanggan atau pelabur baharu. Pastinya ia pelaburan amat berbaloi.

Boleh dikatakan setiap hari berita berkaitan jenayah rasuah di negara kita terpampang di akhbar dan media sosial membabitkan pelbagai pihak dan agensi. Lihat sahaja statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ada 43,699 aduan diterima dari 2015 hingga 2020 yang apabila diteliti, tiada sebarang penurunan signifikan direkodkan sepanjang tempoh berkenaan. Seribu satu cadangan, pandangan dan kenyataan diberikan pelbagai pihak mengenai cara menangani rasuah dan salah guna kuasa, namun persoalannya apakah kenyataan, artikel serta kempen kesedaran bebas rasuah benar-benar memberi impak besar?

Kini tiba masanya semua agensi daripada sektor kerajaan mahupun swasta mengambil pendekatan lebih strategik, sistematis dan holistik dalam usaha memberantas jenayah rasuah di organisasi masing-masing.

Lebih penting ialah pelan tindakan. Semua diperlukan tersedia dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) se-

bagai rujukan, tetapi jika tiada tindakan diambil, tiada apa akan berubah.

Agensi kerajaan dan swasta, sudah boleh mengorak langkah seterusnya dalam proses pembangunan dan pengubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) serta mencadangkan pelaksanaan ABMS.

Jadikan OACP dan pensijilan ABMS sebagai antara sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI) organisasi tahun ini. Rasuah bukan lagi isu individu mudah diselesaikan, tetapi perlu ditangani secara kolektif dan sistematis.

Memang benar 2021 bermula dengan pelbagai cabaran dan dugaan, tetapi jangan jadikan ia alasan untuk kita mengalah dan tidak mahu berubah.

Jangan sesekali berputus asa, teruskan mengorak langkah ke hadapan demi mencapai lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan. Masih banyak perlu diselesaikan. Seperti dinyatakan, IIM sudah menyempurnakan OACP dan melaksanakan ABMS sendiri.

Sebagai agensi bertanggungjawab membangunkan kompetensi dan kapasiti di kedua-dua sektor awam dan swasta dalam aspek governans, integriti dan antirasuah, IIM bertanggungjawab mempamerkan prinsip kepemimpinan melalui teladan dan tidak mahu dilabel sebagai 'cakap tak serupa bikin'.

Penulis adalah Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM).



Tan Sri Mohd Zuki Ali

Sebagai agensi bertanggungjawab membangunkan kompetensi dan kapasiti di kedua-dua sektor awam dan swasta dalam aspek governans, integriti dan antirasuah, IIM bertanggungjawab mempamerkan prinsip kepemimpinan melalui teladan dan tidak mahu dilabel sebagai 'cakap tak serupa bikin'.

